

# Ketokohan dan Kesarjanaan Abdullah Mohamed (Nakula) Merentas Zaman untuk Manfaat Bangsa

**BITARA**

Volume 4, Issue 4, 2021: 091-101  
© The Author(s) 2021  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## Charisma and Abdullah Mohamed (Nakula)'s Scholarship Crossing Time for Race Benefit

Mohd Zaki Mahmud,<sup>1</sup> Adel M. Abdulaziz al-Geriani<sup>2\*</sup> & Abdul Latif Abu Bakar<sup>1</sup>

### Abstrak

Penulisan ini memberi tumpuan tentang ketokohan dan pemikiran seorang individu yang mempunyai kewibawaan, tekun menuntut ilmu dan mampu menjadi contoh terbaik dalam masyarakat. Ketokohan yang dimiliki oleh Abdullah Mohamed atau nama pena ‘Nakula’ adalah individu yang berusaha dan berjuang untuk mencapai keseimbangan ilmu dunia dan akhirat, tetapi pemikiran dan keilmuan mencapai tahap yang tinggi kerana beliau gigih mencari ilmu secara langsung dan tidak langsung, sanggup berusaha dengan gigih untuk mencari setiap persoalan yang bermain di fikiran berdasarkan ilmu pengetahuan melalui pembacaan, perbincangan, rujukan dan penelitiannya terhadap bidang yang dikaji. Penulisan ini mempunyai tajuk mengenai ketokohan dan kesarjanaan seorang yang dianggap budayawan gigih menulis membaca dan menelaah, banyak penulisan yang kemukakan berlandaskan keilmuan dan pengalaman, pernyataan masalah mengenai kewibawaan dan sumbangan sebagai seorang budayawan mengenai pemikiran dan riwayat hidup berdasarkan keilmuan, objektif kajian dalam penulisan ini adalah mengenal pasti dan menganalisis pemikiran dan falsafah dalam peradaban kebudayaan Melayu, kaedah kajian dengan menggunakan temu bual dengan orang sezaman dengannya, tokoh sejarah, tokoh akademik. kajian lepas juga di buat dan dapatan kajian menunjukkan pemikiran dan falsafah tokoh ini berpikiran di luar kotak atau pemikiran biasa. Hasilnya, didapati bahawa sepanjang usianya, banyak dihabiskan dan dikorbankan dengan usaha untuk arif, minat dan mengetahui ilmu astronomi, jiwa, geologi, ekonomi, kebudayaan, etika, sosiologi, sejarah, antropologi, sastera, falsafah dan seni lukis. Kesemua bidang ilmu ini membuktikan ketokohan dan kesarjanaan ustaz Abdullah Mohamed yang menjadi ilmuwan, budayawan, sejarawan, ahli astronomi dan penulis di Kelantan Darul Naim.

### Kata kunci:

ketokohan, kesarjanaan, ilmu dunia, ilmu akhirat.

<sup>1</sup> Universiti Islam Malaysia (UIM), Bangunan Khadijah, PT1, Jln Profesor Diraja Ungku Aziz, 46350 Petaling Jaya, Selangor, MALAYSIA.

<sup>2</sup> Institut Penyelidikan Produk & Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

### Corresponding Author:

Adel M. Abdulaziz al-Geriani, Institut Penyelidikan Produk & Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

\*e-mel: adelmaziz@unisza.edu.my

**Abstract**

This piece focuses on the charisma of some one authoritative, diligent in seeking knowledge, and can be the best example in society. Abdullah Mohamed, or 'Nakula,' possesses the charisma of a person who strives and struggles to achieve a balance of knowledge of the world and the world of the hereafter, despite his lack of celebrity. His name and charisma are well known in Kelantan, and he leaves a variety of impressions because he is determined to seek knowledge both directly and indirectly, and he is willing to work hard to find every issue that arises in his mind based on knowledge gained from his readers, discussions, and studies of the field studied. The findings revealed that much was used and sacrificed during his life time in pursuit of wisdom, interest, and knowledge of astronomy, psychology, geology, economics, ethics, sociology, history, anthropology, literature, philosophy, and art. All fields of knowledge demonstrate Abdullah Mohamed's charisma and knowledge, who rose to prominence as an intellectual and writer in Kelantan Darul Naim.

**Keywords:**

Charisma, Scholarship, knowledge of the world, knowledge of the hereafter

**Cite This Article:**

Mohd Zaki Mahmud, Adel M. Abdulaziz al-Geriani & Abdul Latif Abu Bakar. 2021. Ketokohan Dan Kesarjanaan Abdullah Mohamed (Nakula) Merentas Zaman untuk Manfaat Bangsa. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(4): 91-101.

## Pengenalan

Abdullah Mohamed atau 'Nakula', individu yang unik kerana sering bersendirian dalam tempoh tertentu kerana berusaha untuk mengkaji, menulis dan melakukan penerbitan hasil-hasil kajian tentang pelbagai perkara khususnya berkaitan agama, falsafah, sejarah, astronomi dan budaya. Beliau dilahirkan pada tahun 1931, di rumah bernombor 1606, Kampung Kubang Pasu, Kota Bharu, Kelantan, dalam kawasan institusi Pondok Datuk Haji Ahmad Manan, iaitu salah seorang dari tokoh ulama Kelantan. Kawasan tersebut sentiasa bergema dengan suara azan dari suaranya setiap lima waktu sehari semalam sambil ditingkahi pula oleh gemuruh bunyi "geduk waktu solat" dari Masjid Muhammadi yang terletak berhampiran. Kawasan di sekitarnya yang bergema dengan suara bacaan al-Quran, bacaan dan hafalan pelajaran dalam bahasa Arab oleh para pelajar dan suara ratib-ratib tarekat Ahmadiah serta gugusan syair tokoh ulama berkenaan yang mengalun pada setiap tiga malam dalam seminggu dan suara wirid-wirid dan zikir-zikir amalannya yang bergema pada setiap pagi.

Ustaz Abdullah telah mengikuti dua (2) bentuk pengajian iaitu pengajian secara formal dengan mengikuti kelas membaca al-Quran, tulisan jawi, bahasa Arab, Al-Ma'ahad sehingga menduduki peperiksaan akhir tahun yang keempat dari *al-Qismuth-Thanawi* di al-Ma'ahad-Muhammadi sebagai pelajar di luar sekolah dengan mendapat sijil, dan tidak formal iaitu sering membaca di perpustakaan datuk di sebelah bapa, Haji Omar Nurud-Din, salah seorang dari tokoh-tokoh ulama Kelantan dan seorang ahli ilmu falak (astronomi) yang terkenal, di perpustakaan datuk di sebelah ibu, Haji Ahmad Manan dan di perpustakaan bapa sepupunya, Encik Ahmad ibn Yusuf. Semangat dan cinta kepada buku sudah ditunjukkan Abdullah Mohamed 'Nakula' sejak berusia 13 tahun lagi pada 1944 yang menyaksikan beliau membaca ratusan buku dan melakukan banyak kerja penyalinan teks atau rencana, pembacaan dan rujukan. Sebagai individu yang mengenali Abdullah Mohamed 'Nakula' kegigihan

memperolehi ilmu daripada usaha sendiri atau ada kajian serta belajar di luar sekolah. Pengajian secara tidak formal yang dilaluinya adalah ketika belajar di sekolah Melayu pada zaman Jepun, sekitar November 1942, beliau sudah mencatat segala peristiwa dalam buku peringatan, sekali gus menjadi catatan awalnya mengenai sejarah serangan tentera Jepun ke atas Kelantan. Pada zaman Jepun, tiada kemudahan untuk meneroka ilmu tetapi Nakula bersyukur kerana mempunyai tiga perpustakaan peribadi milik keluarganya, iaitu dua datuk serta bapa sepupunya. Ilmu yang mula-mula menarik perhatian untuk dikaji adalah mengenai sejarah, manakala buku yang paling memberi kesan kepada jiwanya ialah keagungan bangsa Melayu, iaitu *Sejarah Alam Melayu* karangan Abdul Hadi Hasan dan Buyong Adil yang dibaca keseluruhannya pada 1944, selepas beliau terus mengkaji, menulis penyalin, mencari rujukan dan membaca hingga akhir hayat dengan peninggalan hasil karya yang banyak.

Beliau telah kembali ke rahmatullah pada 19 April 1998, berumur 67 tahun, kerana sakit jantung. Sepanjang hayatnya, beliau seorang pengkaji yang membuat kerja berdasarkan metode saintifik sesuai dengan kehendak baharu ilmu dan ilmiah, bahkan menggunakan ilmu kerohanian atau *kasyf* yang tentunya tidak dapat di pandang dengan mata kasar. Oleh yang demikian, beliau adalah tokoh agama dan ilmiah bangsa, menyifatkan Abdullah Mohamed atau ‘Nakula’ sebagai tokoh yang memiliki iltizam, daya juang persuratan yang kukuh dan optimistik dengan wawasan yang didukungnya, sekali gus mengumpamakannya sebagai tokoh ‘jarang biji mata,’ iaitu perumpamaan dialek Kelantan yang bermakna satu dalam seribu, khususnya di negeri Kelantan yang bermanfaat memberi contoh terbaik dan menyampaikan ilmu dunia dan agama untuk kesejahteraan bangsa.

Ustaz Abdullah telah mengikuti dua (2) bentuk pengajian iaitu pengajian secara formal dengan mengikuti kelas membaca al Quran, tulisan jawi, bahasa Arab, Al-Ma’ahad sehingga menduduki peperiksaan akhir tahun yang keempat dari *al-Qismuth-Thanawi* di al-Ma’ahad al-Muhammadi sebagai pelajar di luar sekolah dengan mendapat sijil, dan tidak formal iaitu sering membaca di perpustakaan datuk di sebelah bapa, Haji Omar Nurud-Din, salah seorang dari tokoh ulama Kelantan dan seorang ahli ilmu falak (astronomi) yang terkenal, di perpustakaan datuk di sebelah ibu, Haji Ahmad Manan dan di perpustakaan bapa sepupunya, Encik Ahmad ibn Yusuf. Kesemua cabang ilmu ini membawa hubungan rapat dengan ketokohan dan sumbangan beliau yang bermanfaat kepada masyarakat.

## Ketokohan dan Kesarjanaan

Dalam dunia kesarjanaan hari ini, baik yang di buat dalam bahasa Inggeris dan Melayu, di dalam atau luar negara, Kelantan sebagai sebuah unit politik, ekonomi dan kebudayaan telah mendapat perhatian para pengkaji akademik, peminat dan pengamat budaya. Artikel ini cuba mengumpulkan beberapa penulisan beliau tentang negeri dan masyarakat Kelantan, berdasarkan kepada tema utama seperti sejarah politik, kebudayaan, keagamaan, astronomi. Sosioekonomi, falsafah, dan seni lukis .

Hari ini Kelantan adalah sebuah negeri yang terkandung di dalamnya proses modenisasi dan globalisasi, yang masih lagi bertahan unsur-unsur ketradisionalan, yang sendirinya menghadapi perubahan dan transformasi. Kelantan sebagai negeri Melayu tua mempunyai

sejarah panjang dengan pertalian kebudayaan dengan tradisi Islam, Siam, Champa-Kemboja, Cina, dan penjajah Inggeris.

Umumnya Kelantan dikaji sebagai salah satu entiti dalam kesatuan kebudayaan Melayu Utara, dalam kawasan pantai timur Semenanjung Tanah Melayu, Kelantan dapat dikaji sebagai sebuah entiti politik dan kebudayaan dalam Persekutuan Malaysia. Dalam sejarah Srivijaya dan Langkasuka, Kelantan dipercayai sudah wujud dan menjadi sebuah negeri yang sudah termasyhur. Sememangnya dari bukti arkeologi, Kelantan telah menjadi tempat manusia pra-sejarah bermastautin dan peradaban awal manusia telah terwujud di kawasan negeri itu.

Apabila menyebut Kelantan, terasa keunikannya dalam pelbagai sudut dan terdapat pelbagai ranah kebudayaannya yang sayugia diperhatikan dengan tekun, sehingga boleh dikatakan bahawa mengkaji sejarah dan kebudayaan Melayu tidak akan tersempurna selagi kebudayaan Melayu Kelantan tidak diperkirakan inilah pandangan Abdullah Mohamed dalam kebanyakan karya dan penulisannya, sehingga banyak lagi pusat-pusat kebudayaan yang terbangun di Semenanjung ini tidak mendapat perhatian sewajarnya. Sebenarnya, tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa tiada sudut dari peradaban Melayu Kelantan yang harus terlepas daripada kajian. Segi-segi kebudayaan Kelantan memperlihatkan pelbagai aspek yang unik, terbentuk dari pengalaman sejarahnya yang dinamik. Sesungguhnya Kelantan sebagai sebuah pusat peradaban Melayu memiliki khazanah tamadun kebudayaan dan sejarah yang tersembunyi, kebudayaan yang kaya dan rencam, dengan ciri khas tersendiri, mahupun kebersamaan dengan pola kebudayaan Melayu.

Dalam penulisan ini, tumpuan dalam kajian ialah tentang ilmu astronomi dan ilmu-ilmu kemasyarakatan yang dikaji dengan penuh minat termasuk dalam persoalan ilmu politik, ilmu kebudayaan, ilmu ekonomi, sosiologi dan lain-lain. Kesemua cabang ilmu utama ini dapat meningkatkan reputasi dan ketokohan Ustaz Abdullah Mohamed atau Nakula yang turut memberi manfaat ilmunya kepada bangsa dan negara.

## Astronomi

Ilmu ini mula dikaji oleh beliau pada tahun 1948, disambung lagi dengan membaca dan menyalin rencana-rencana yang berhubung dengannya dalam tahun 1949. Rencana-rencana ini didapati dalam majalah Arab: *As-Saiyaratul-Falakiyah*, *Al-Hilal*, *Al-Kitab*, dan *Liwa-ul-Islam*, iaitu tentang keadaan kosmos dan cara kejadiannya. Lebih-lebih lagi tentang teori-teori kemungkinan wujudnya makhluk-makhluk yang berakal di planet lain. Buku *Basait-ilmil-Falak* (garisan-garisan kasar ilmu astronomi) yang disebutkan di atas tadi dikaji lagi. Buku yang setebal 128 muka ini disalin seluruhnya bersama dengan 48 daripada 66 rajah dan gambar yang terdapat di dalamnya.

Antara buku yang terpenting dikaji pada tahun ini ialah *al-Falakul-Hadith* (Astronomi Moden) oleh Abdul Latif Abdul-Wafa yang tamat dibaca pada 21 Oktober 1949. Dapat dikatakan bahawa buku inilah yang mula-mula mengajarkannya bagaimana ayat-ayat al-Quran dihubungkan kepada penemuan-penemuan baharu dalam astronomi untuk membuktikan bahawa penemuan-penemuan baharu itu benar dipandang dari segi Islam dan untuk membuktikan bahawa lama sebelum itu Islam sudah menerangkan apa yang baru ditemui oleh Barat.

Beliau semakin mengagumi kebesaran alam ciptaan Tuhan dengan mataharinya yang besar, berganda-ganda lebih besar daripada bumi manusia. Malahan selama ini alam dirasai amat besar dengan planet-planetnya yang amat jauh letaknya antara satu sama lain, dengan bintang-bintangnya yang jaraknya tidak dapat diukur dengan perbatuan lagi, tetapi dengan tahun-tahun cahaya, manakala terdapat banyak galaksi seperti ini bertaburan di pelosok alam yang tiada terkuasa hendak diukur lagi. Beliau mengagumi pula terhadap penemuan menerusi teleskop bukti-bukti wujudnya makhluk berakal di planet Marikh dan kemungkinan makhluk-makhluk seperti ini wujud pula pada planet lain. Beliau terus mengagumi tentang berbagai cara dalam andaian ahli-ahli astronomi untuk membuat hubungan dengan makhluk-makhluk yang tidak disangkal ada di Marikh. Beliau mengkaji dengan membaca sebuah buku yang lebih baharu, iaitu *An Easy Outline of Astronomy* oleh M. Davidson dalam bulan Mei 1951.

Di samping ini, piring-piring terbang (*flying saucers*), dikenali dengan UFOs yang didakwa datang ke bumi sejak tahun 1947, makin setahun makin bertambah kerap hingga sampai ke kemuncaknya dalam tahun 1952 sangat menarik perhatian beliau kerana ada hubungannya dengan kosmos yang telah dikaji itu. Berita-berita kedatangan piring-piring terbang dan segala macam analisis tentangnya selalu diikutinya dalam akhbar-akhbar dan majalah Melayu, Inggeris dan Arab. Setelah membaca buku *The Flying Saucers are Real* oleh Major Donald E. Keyhoe dan M. Davidson dalam bulan Januari dan Februari 1952 bertambahlah kekaguman beliau tentang keajaiban alam Tuhan dan menambahkan keyakinan bahawa makhluk-makhluk berakal memang wujud di planet-planet dalam sistem matahari atau planet-planet lain di luar sistem matahari kita.

Meskipun beliau telah dapat mengumpulkan fakta-fakta yang banyak tentang kosmos daripada penemuan ahli-ahli sains, cita-citanya untuk melihat kesepadan ajaran Islam dalam konteks tujuh lapis langit tempat Rasulullah SAW menaikinya, tujuh lapis bumi, neraka, syurga, Sidratul-Muntaha dan Arasy supaya terbukti benarnya ajaran Islam itu. Muhyi tidak muhyi beliau terpaksa tunduk kepada pendapat ahli-ahli sains kerana mereka mempunyai bukti-bukti yang nyata. Beliau mulai terpengaruh dengan pendapat ulama Islam moden, terutama seperti dalam buku *al-Falakul-Hadith* bahawa tujuh lapis langit itu ialah planet-planet yang lebih banyak daripada itu, angka tujuh hanya lambang bagi banyak, manakala tujuh lapis bumi ialah tujuh lapis bumi menurut geologi. Bagaimana dengan neraka, syurga, kursi, Sidratul-Muntaha dan Arasy? Ini semuanya tidak diketahui mungkin terletak di alam yang lebih tinggi atau dalam alam ghaib. Ilmu kajian astronomi ini yang mula timbulnya tentang konsep kebudayaan bangsa Melayu bermula yang berkonseptan ‘Bunga Teratai’ yang mengikut falsafah dan pemikiran bangsa Melayu berasaskan ‘Ketuhanan dan Kealaman’ sejak zaman Adam a.s. Inilah pendapat beliau pada masa itu dulu, kini dan selamanya.

Walau bagaimanapun, tunduknya beliau terhadap pendapat moden tentang tujuh lapis langit dan tujuh lapis bumi itu tidak lebih daripada andaian-andaian sahaja, beliau tidak berani menjadikannya sebagai “iktikad”. Jiwanya masih belum puas dan ragu-ragu, serupa juga dengan keraguan terhadap alasan-alasan ulama Islam moden dalam menentang teori Darwinisme tentang asal usul kejadian manusia.

## Politik

Selain mengkaji ilmu astronomi pada tahun 1949, beliau membuat catatan yang banyak dalam ilmu politik diambil daripada berbagai-bagi sumber. Catatan ini ada kaitannya dengan definisi politik dan kepartian, misalnya sistem pemerintahan di beberapa buah negara di dunia dan soal ‘isme’ politik seperti kapitalisme, sosialisme dan komunisme.

Pengetahuan beliau dalam ilmu politik hasil daripada kajian-kajian sejak tahun 1944 itu diusahakan mengikatnya dalam suatu sistem yang seharusnya dengan cara menulis sebuah buku yang dinamakan *Di Pintu Gerbang Ilmu Politik*. Penyusunannya bermula sejak pada 26 Jun dan siap pada 5 atau 7 Disember 1949. Buku ini dibaiki pula kemudian dari semasa ke semasa dengan menggunakan beberapa buku rujukan dalam bahasa-bahasa Indonesia, Arab dan Inggeris hingga lengkap pada 20 November 1951. Kemudian dibaiki lagi dalam bulan Julai dan Ogos 1952.

Apabila prinsip ilmu politik telah jelas difahami, timbul hasrat beliau untuk mengetahui dengan jelas pula konsep dasar Islamnya. Sejak bulan September 1949 kira-kira tiga bulan penyusunan buku *Di Pintu Gerbang Ilmu Politik* itu berjalan, kajian yang intensif tentang konsep politik Islam bermula. Pengetahuan tentang hal ini dalam kajian-kajian yang lalu tidak begitu banyak dan oleh itu tidak memberikan gambaran yang jelas dalam fikirannya. Dalam bulan September tahun itu, suatu bahagian yang penting dari buku *Falsafah Perjuangan Islam* oleh M. Isa Ansori dibaca kemudian disalin hingga siap pada 12 September. Pada 6 November 1949 buku *Nazariyatul-Islamis-Siasiyyah* (Teori Politik Islam) oleh al-Ustaz al-Maududi telah dibaca kemudian disalin seluruhnya. Kemudian buku ini diterjemahkan ke Bahasa Melayu dengan nama *Teori Islam dalam Politik* dan siap pada 12 Mac 1951.

Pada tahun 1952, kajian yang lebih banyak lagi dilaksanakan. Beberapa terbitan Indonesia tentang ideologi Islam telah dibaca dari bulan April hingga bulan Disember 1952. Antaranya ialah *Islam dan Parlimentarisme* oleh Z.A. Ahmad yang mulai dibaca pada 22 April 1952. Inilah sebuah buku politik Islam yang paling dikagumi beliau pada masa itu kerana penulisannya meyakinkan dirinya tentang keupayaan Islam membangunkan negara pada zaman moden menurut sistem berparlimen.

Pada tahun 1953 ,masih banyak catatan dalam ilmu politik yang diturunkan ke dalam buku-buku catatan beliau. Kegiatan-kegiatan beliau yang penting dalam bidang ini ialah penyusunan buku “*Falsafah-Falsafah Politik Moden*” yang dimulakan pada bulan Disember 1953. Buku ini disusun dengan menggunakan 45 buku rujukan dalam bahasa Arab, Inggeris dan Indonesia (siap pada 9 Januari 1955). Untuk disesuaikan dengan masyarakat, beberapa fasal daripadanya dibuang ketika hendak dicetak dalam tahun 1959. Buku ini ditulis dengan tujuan untuk membuktikan bahawa Islam atau ideologinya dalam politik adalah yang terbaik antara semua ideologi sebagai pemerintah negara.

## Jiwa

Minat mendalam turut diberikan oleh Ustaz Abdullah Mohamed terhadap ilmu jiwa yang dibuktikan sejak bulan Februari 1949, rencana-rencana tentang ilmu ini dibaca dalam majalah-majalah Arab kemudian di buat catatan. Kajian terhadap ilmu jiwa juga diteruskan lagi dengan

membaca buku kecil *Massa Psychologie* oleh Mr. Djody Gondokusumo pada 4 September 1951. Sebuah buku kecil yang dipinjam daripada kawannya berjudul *Ilmu Djiwa Peraktis* oleh Amir Hamzah Nasution telah dibaca oleh Nakula. Dengan pengetahuan yang didapati dalam ilmu jiwa hasil daripada kajian sejak tahun 1944, sebuah buku tentang ilmu ini mulai disusun sejak bahagian akhir dari tahun 1952 dengan dibantu oleh beberapa rujukan dalam bahasa Arab dan Inggeris dan siap pada 27 Februari 1953. Buku ini dinamakan *Ilmu Jiwa untuk Pendidikan*. Selepas itu, kajian dalam ilmu jiwa diteruskan oleh beliau bagi maksud memahami kelakuan-kelakuan atau “*behaviours*” manusia dan naluri (*instinct*) yang juga adalah untuk memahami teori Freud hingga dalam tahun 1954.

## Geologi

Beliau memang lama bercita-cita untuk mengkaji ilmu geologi kerana hubungannya yang erat dengan sejarah purba. Cita-cita ini baru lahir menjadi kenyataan dalam bulan Disember 1949 apabila beliau sangat tertarik hati dengan suatu rencana yang disiarkan dalam majalah “*al-illilal*” tentang asal kejadian benua-benua di permukaan bumi menurut teori Alfred Wegener dari Jerman. Selepas itu, kajian-kajian tentang geologi ini berterusan apabila ada kesempatan sehingga tahun 1951, terutamanya tentang geologi sejarah (*historicalgeology*).

## Ekonomi

Ilmu “ekonomi” yang disebut dalam istilah ilmiah Arab dengan “*al-iktisadus-siasai*” ertinya “ekonomi politik” berasal dari suatu istilah yang biasa digunakan dalam Bahasa Perancis “*economie politique*”. Ilmu ini mulai dikaji mulai 30 Disember 1949 dengan membaca buku “*al-iktisadus-siasai*” (ekonomi politik) oleh Dr. Ali Abdul Wahid Wafi, mahaguru sosiologi dan ekonomi, di Universiti Fuad Awwal, Mesir. Inilah permulaan beliau mengenali ilmu ekonomi dalam erti kata yang sebenarnya.

Pada awal tahun 1950, beliau dijemput oleh Haji Nik Mahmud b. Haji Ismail, Datuk Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan, bekerja di rumahnya sebagai penterjemah peribadinya. Di perpustakaan Datuk Perdana Menteri peluang terbuka dipergunakan bagi mengkaji sebuah buku ekonomi yang lebih besar, *Al-iktisadus-Siasi* (Ekonomi Politik) empat penggal oleh Dr. Ahmad Ibrahim. Bahagian yang pertama dari buku ini diterjemahkan menjadi sebuah buku dengan nama *Pengantar ke Ilmu Ekonomi Politik* setebal 163 muka surat. Buku ini mulai ditulis pada 18 Oktober dan siap pada 13 Disember 1950. Dalam tahun yang sama, bahagian yang kedua dari buku ini tentang sejarah ekonomi diterjemahkan. Setelah ditambah pula isinya dari beberapa sumber rujukan dalam bahasa Inggeris dan Indonesia, ia dijadikan sebuah buku dengan nama “*Aliran-aliran Dalam Ekonomi*”, siap ditulis pada 4 September 1954 dan dicetak dalam 1956. Inilah bukunya yang pertama dicetak. Buku ini disusun dengan tujuan untuk membuktikan kepada masyarakat keunggulan Islam dalam ekonomi berbanding dengan lain-lain

## Ilmu Etika

Selain kajian yang dilakukan pada tempoh separuh kedua dari tahun 1950, ilmu akhlak atau etika turut menarik perhatian Abdullah bagi tujuan memahami peranan hati nurani manusia dalam menentukan nilai baik dan buruk. Sebuah buku yang mula-mula dikaji tentang bidang ini ialah *Mulakhasimil-Akhlan* (sari ilmu akhlak) oleh Ahmad Sodiq Tantawi yang dipinjam daripada kawan, dibaca olehnya, kemudian disalin seluruhnya ke dalam sebuah buku dan siap sepenuhnya disalin pada 8 Ogos 1950.

## Sosiologi

Pada tahun 1950, suatu cabang iaitu kemasyarakatan mulai dikaji melalui buku yang pertama dibaca tentang ini adalah sebuah buku tebal *Ilmul-Ijtima'a* (Sosiologi) 2 penggal karangan Naqula Haddad, hasil daripada kajiananya selama 15 tahun terhadap karangan-karangan yang terpilih di barat dalam ilmu ini.

## Sejarah

Dalam tahun 1950, kajian dalam ilmu sejarah purba yang telah di buat dalam tahun 1948 dulu diteruskan beliau. Suatu buku yang amat baik baginya waktu itu ialah “*Ma'aalimut-Tarikhil-Insaniyah*” (garisan-garisan kasar sejarah kemanusiaan), 2 penggal terjemahan dari buku “*The Outline of History*” karangan H.G Wells. Oleh kerana terjemahan dalam bahasa Arab itu hanya setakat zaman purba sahaja, maka setakat ini sahaja yang dikaji. Kajian sejarah memang di teruskan beliau. Tidak ada penemuan baharu dalam ilmu daripada kajian ini selain dari menambahkan pengetahuan yang telah ada. Buku sejarah dunia dalam bahasa Indonesia yang terdiri dari 5 penggal dibaca seluruhnya dari bulan Julai hingga September 1954.

## Antropologi

Soal mencari penyelesaian antara pendapat antropologi yang menyatakan bahawa manusia itu berasal dari keluarga kera (*primates*) dan ajaran agama menyatakan bahawa manusia yang pertama adalah Adam yang dijadikan berasingan dalam syurga yang sentiasa bermain main dalam fikirannya sejak tahun 1944 serta jawapannya masih belum selesai pada dirinya. Dengan mengkaji sejarah manusia purba itu menjadikan soal ini menghebat kembali dijiwanya. Hasrat mengkaji ajaran Darwin lebih lanjut telah timbul. Justeru, buku yang telah lama dipinjam daripada Yusuf Zaki, *Nazirayat al-Tatawwur wa Asl al-Insan* (Teori Evolusi dan Asal Manusia) oleh Salamah Musa, seorang penulis Mesir yang terkenal, dibaca dengan teliti, kemudian disalin seluruhnya dalam tahun 1950. Buku ini memang sangat baik dalam mengemukakan teori evolusi menurut Darwinisme dengan cara dan bahasanya yang mudah.

Oleh itu, masalah mencari jawapan Islam terhadap teori itu makin memuncak. Beberapa tulisan dalam majalah telah dibaca. Sebuah buku lagi yang boleh memberi kepuasan sementara tentang jawapannya tentang ini ialah *Nizamul-alam wal-umam* (Sistem Alam dan Bangsa-Bangsa) oleh Sheikh Tantawi Jauhari. Suatu bahagian dari buku ini yang membicarakan tentang

perbandingan antara pendapat orang-orang Arab (orang Islam) dan Darwinism dibaca beliau dengan teliti, dan disalin seluruhnya dalam tahun 1952. Walau bagaimanapun serupa juga dengan mencari di manakah langit tujuh lapis, bumi tujuh lapis, syurga, neraka, kursisidratul-muntaha dan Arasy, soal menentukan apakah manusia itu berasal dari *primates* atau dari Adam masih belum memuaskan fikirannya. Hanya sebagai seorang beragama Islam, asal usul kejadian manusia daripada Adam itu wajiblah dipercayai tanpa bukti yang diterima akal.

## Sastera

Barangkali usaha yang paling kurang dalam peringkat terkemudian ialah pembacaan buku-buku novel bagi menikmati seni sasteranya. Meskipun banyak buku-buku novel Inggeris yang dipermudahkan telah dibaca (dari bulan Mei sampai bulan Oktober 1951), tetapi hanya bertujuan untuk menambahkan pengetahuan bahasa Inggeris sahaja. Ada sebuah sahaja buku penting yang dibaca olehnya dalam peringkat itu, buku *Atheis* karya Achdiat K. Miharja. Novel ini dibaca bukan kerana aspek sasteranya tetapi kerana aspek falsafahnya pada Jun 1950, sehingga menimbulkan kegoncangan besar dalam jiwa beliau. Iktikadnya terhadap Allah telah tercabar, senjata ilmu tauhid yang dipelajari selama ini tidak cukup tempo dalam mempertahankan serangan Atheis pada zaman moden. Fahaman ini bukan lagi menyerang benteng ilmu tauhid yang dibina, ia datang dari segi lain. Tidak lama selepas membaca buku itu, serangan balas dari fikiran beliau Keatas falsafah Atheis itu bermula dengan beliau membuat suatu kritikan dalam suatu tulisan.

Pada Oktober 1952, beliau memulakan suatu kajian yang menyeluruh tentang ilmu kesusasteraan dengan membaca apa-apa yang terkandung dalam buku *Selok Belok Bahasa Indonesia* oleh Sabaruddin Ahmad.

## Falsafah

Kajian falsafah diteruskan bermula pada 8 Oktober 1951, dengan membaca seluruh buku *Rintisan Filsafat* oleh Dr. Abu Hanifah. Buku ini membicarakan semua mazhab falsafah di Barat. Kemudiannya beliau membaca buku *Mabadiul-Falsafah* (Prinsip-prinsip Falsafah) terjemahan Ahmad Amin yang juga membicarakan ilmu falsafah dari segi pandangan Barat. Beberapa buah buku dibaca pada bahagian penting antaranya *Syakhsiyaat wa nazahib Falsafiyah* (Tokoh dan Mazhab Falsafah) oleh Dr. Othman Amin. Dalam buku ini, barulah Ustaz Abdullah Mohamed menemui perbincangan tentang ahli-ahli falsafah Islam dan fikiran-fikiran mereka. Satu lagi teks ialah *Filsafat Dewasa Ini* oleh Prof. R.F Beerling terjemahan Hasan Amin.

## Agama-agama Besar

Dalam proses menambah ilmu, agama-agama besar di dunia juga dipelajari oleh beliau yang dimulakan pada tahun 1952. Kajian yang paling menonjol ialah tentang Agama Kristian. Buku-buku yang dibaca adalah merupakan kritik-kritik terhadapnya, antara yang patut disebut di sini

ialah *Al-Aqa'id al-Wataniyah fi al-Din Nasraniyah* (I'tikad Keberhalaan dalam Agama Kristian) oleh Muhammad Tahir at-Tunair.

## Seni Lukis

Dalam tempoh tiga tahun (sejak tahun 1949 sehingga tahun 1952), beliau memasuki kursus lukisan yang diadakan di Sekolah Melayu Padang Garong, Kota Bharu, Kelantan. Kursus ini di anjur dan diajarkan oleh Cikgu Nik Mamud Nik Idris, seorang pelukis Kelantan yang terkenal pada zaman itu. Kursus ini diadakan sekali dalam seminggu. Pada tahun 1951 beliau pernah mendapat hadiah pertama dalam pameran lukisan seluruh Kelantan.

## Kesimpulan

Abdullah Mohamed (Nakula), seorang tokoh penelaah, pencatat, pengkaji, penulis dan pengarang yang cukup berwibawa dan dinamik. Allahyarham Ustaz Abdullah NAKULA memiliki iltizam, daya juang persuratan yang kukuh dan optimistik dengan wawasan yang didukungnya. Kata orang Kelantan ‘jarang biji mata’ bagi kita mencari sikap dan tabiat orang begitu. Individu yang bersikap, sebiji “mutiara” yang tidak ternilai harganya, jika terlontar jauh ke lembah tanpa rasa cakna, akhirnya menjadi sia-sia, bahkan akan terbuang dan dilupakan. Itulah pemerhatian saya akan nasib para ilmuwan, budayawan, sarjana, seniman, penulis dan ahli astronomi dari Kelantan Darul Naim, negeri budaya atas nama Negeri Cik Siti Wan Kembang atau Tanah Serendah Sekebun Bunga dan negeri agama, tersohornya dengan jolokan Negeri Serambi Mekah.

## Rujukan

- A Aziz Deraman. (2019). Biografi, Ketokohan dan Bibliografi Abdullah Mohamed (NAKULA). dalam *Seminar Ketokohan Ustaz Abdullah Mohamed (NAKULA)*. 2 Februari 2019. Dewan Perpustakaan Awam Kelantan, Kota Bharu.
- A Aziz Deraman. 1994. *Kau dan Aku*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman. 1979. *Abdullah b. Mohamed (Nakula): Tokoh dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.
- Abdul Halim Bashah. 1994. *Raja Campa & Dinasti Jembal dalam Patani Besar: Patani, Kelantan & Terengganu*. Kubang Kerian: Pustaka Reka,
- Adi Taha. 2007. Archaeologyof Ulu Kelantan. Kuala Lumpur: Deptof Museums Malaysia, Ministry of Culture, Arts and Heritage Malaysia. Kelantan dalam perspektif arkeologi: satu kumpulan eseji. Bharu, Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1986.
- Aziz Deraman (peny). 2010. Peradaban Melayu Timur Laut: memperkasakan warisan persuratan Melayu. *Kolokium Peradaban Melayu Kawasan Timur Laut*. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim (ed.). 1982. *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*. Kota Bahru: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan,

- Nakula, Abdullah Mohamed. 1958. *Bagaimana Mengenal Tabiat Manusia*. Kota Bharu: Pustaka Dian Press.
- Nakula, Abdullah Mohamed. 1959. *Falsafah Politik Moden*. Kota Bharu: Pustaka Dian Press.
- Nakula, Abdullah Mohamed. 1977. ‘Ilmu Terus dari Allah’ (Ar-Risalatul-Laduniyah), terjemahan dari karangan Al-Imam al-Ghazali. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Nakula, Abdullah Mohamed. 1978. *Bentuk-bentuk Bangunan Masjid, Kunci untuk Memahami kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Nakula, Abdullah Mohamed. 1980. *Falsafah dan Pemikiran dalam Wayang Kulit di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Nakula, Abdullah Mohamed. 1980. *Falsafah dan Pemikiran Orang-orang Melayu, Hubungannya dengan Islam dan Kesenian*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan sukan.
- Nakula, Abdullah Mohamed. 1981. *Keturunan Raja-raja Kelantan dan Peristiwa-peristiwa Bersejarah*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Nakula, Abdullah Mohamed. 1984. *Sriwijaya Awal Warisan Kelantan III*. Kota Bharu Kelantan: Perbadanan Mezium Negeri, Istana Jahar.
- Nakula, Abdullah Mohamed. 1956. *Aliran-aliran dalam Ekonomi*. Penang: The United Press.
- Nakula, Abdullah Mohamed. 1989. “Sejarah Awal Sriwijaya dan Hubungannya dengan Kelantan,” dlm Omar Farouk Bajunid (ed.) *Esei-esei Budaya dan Sejarah Kelantan*. Kuala Lumpur: Asrama Za’ba, Universiti Malaya.,
- Nakula, Abdullah Mohamed. 1975. ‘Bentuk Alam yang mengagumkan’, 196 muka, Pustaka AmanPress, Kelantan,